

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 MEI 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	1,000 ciptaan lebih 20 negara bakal di pameran di Itex 2017	Sinar Harian
2.	Penciptaan untuk dunia yang lebih baik	Harian Metro
3.	Usahawan Mikro, PKS terus jadi tonggak pertumbuhan ekonomi Sabah	BERNAMA
4.	Malaysia bebas jerebu, namun berisiko dilanda banjir	BERNAMA
5.	Malaysia bebas jerebu tetapi berisiko banjir	KOSMO
6.	EL Nino kurang 'kuat', risiko banjir meningkat	Utusan Malaysia
7.	RM90,000 boost for cancer researchers	The Star
8.	No haze but flood risk	The Sun
9.	We're ready for floods	Malay Mail

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 9 MEI 2017 (SELASA)

1,000 ciptaan lebih 20 negara bakal dipamer di Itex 2017

SEBANYAK 1,000 ciptaan dari 20 buah negara akan dipamerkan pada penganjuran Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-28 (Itex) 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 11 hingga 13 Mei ini.

Presiden Persatuan Reka bentuk dan Reka cipta Malaysia (Minds), Tan Sri Dr Augustine Ong berkata, penganjuran itu menumpukan pengkomersialan dan keusahawanan.

"Tema penganjuran tahun ini 'mencipta untuk dunia yang lebih baik' di mana menampilkan 1,000 ciptaan penyelidik institusi pengajian tinggi, pencipta muda, individu dan korporat.

"Peserta dari lebih 20 negara akan hadir termasuk Malaysia, Indonesia, Taiwan, Korea, Arab, Iran, Thailand, Poland, Mesir, Kuwait, Bahrain dan banyak lagi," katanya.

Menurutnya, Dasar Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) le-

bih ke arah syarikat pemula dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), menjadi panduan pihaknya.

"Oleh itu, Mosti bersama Itex 2017 berusaha jadi penyedia perkhidmatan yang menjadi pemula kepada peserta serta pencipta untuk komersialkan ciptaan mereka.

"Turut diadakan Pameran Reka Cipta Muda Dunia, Pameran Pencipta Muda Asian dan Pameran Pencipta Muda Malaysia," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO : MUKA SURAT C12
TARIKH : 9 MEI 2017 (SELASA)



dari lebih 20 buah negara akan hadir, termasuk Malaysia, Indonesia, Taiwan, Korea, Arab Saudi, Iran, Thailand, Poland, Mesir, Kuwait, Bahrain dan banyak lagi.

Menurut Presiden MINDS, Tan Sri Augustine S.H Ong yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penganjurkan ITEX, acara tahun ini akan memfokus kepada pengkomersilan dan keusahawanan. "Polisi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Malaysia terhadap Industri Kecil Sederhana (IKS) dan Komuniti Startup menjadi prinsip panduan kami. Oleh itu, bersama MOSTI, ITEX 2017 akan berusaha memberi bantuan kepada pempamer/pencipta menerusi 'startup showcase' jelas beliau.

Di ITEX 2017, syarikat R&D dan syarikat baru berpeluang mempelajari mengenai perniagaan terbaik menerusi pelbagai aktiviti. Sebagai contoh, Pitch4Fund akan menyatukan pelabur dan pencipta dalam usaha untuk menyediakan dana bagi menyokong usaha ke arah penemuan terbaru. 'Startups Talks' pula

KUALA LUMPUR mengalu-alukan lebih daripada 20 buah negara yang menyertai ITEX 2017 (Pameran Teknologi, Inovasi dan Penciptaan Ke-28) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 11-13 Mei, 2017. Pameran ini menyasarkan untuk merapatkan jurang antara pentak inovasi saintifik yang pantas dengan masyarakat, selain untuk tujuan pengkomersilan ciptaan dan inovasi, selari dengan tema tahun ini yang berbunyi "Penciptaan untuk Dunia yang Lebih Baik".

Pameran yang dianjurkan oleh Persatuan Rekabentuk dan Rekapipta Malaysia (MINDS) ini akan menampilkan 1000 ciptaan terbaik oleh penyelidik dari institusi pengajian tinggi dan juga pencipta muda, individu-individu dan pihak korporat. Peserta



merupakan lubuk pengetahuan bagi syarikat-syarikat yang baru mula bertapak.

Setiap tahun, ITEX dengan bangganya mempersembahkan ratusan ciptaan unik yang dihasilkan para belia menerusi Pameran Pencipta Muda Dunia ("World Young Inventors Exhibition - WYIE"). WYIE berkongsi lokasi dengan ITEX 2017, ianya antara barisan acara tahunan utama yang diketengahkan ITEX untuk pencipta yang sedang meningkat naik, acara lain yang terlibat adalah seperti Pameran Pencipta Muda Asia (Asian Young Inventors Exhibition - AYIE) dan Pameran Pencipta Muda Malaysia (Malaysian Young Inventors Exhibition - MYIE).

Dengan WYIE sebagai acara menyeluruh, pameran ini akan lebih menyerlah dan diperhebat dengan idea yang lebih baik dan mengagumkan. Pameran Seni dan Kreativiti (ACE) yang kembali untuk edisi ketiga merupakan satu lagi acara menarik yang berlangsung dalam tempoh sama. Ia dianjurkan MINDS dan bertujuan menggalakkan imaginasi kreatif, baik dalam penulisan mahupun lukisan, dan meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris. Temanya bagi tahun ini adalah "A Thing of Beauty is a Joy Forever: Showcasing Malaysian Heritage".

Juga di ITEX, Persatuan Reka Grafik Malaysia, wREGA akan menempatkan secara bersama pameran seninya untuk menyambut Hari Rekaan Sedunia 2017 ("World Design Day") yang bertemakan "Start Young". wREGA akan mengadakan ucapan awam mengenai penjenamaan dan rekaan bersifat hijau. Menurut Presiden wREGA, Melissa Wong, sasaran mereka adalah untuk mengetengahkan persatuan ke khalayak awam dengan menganjurkan Ucapan dan Pameran mengenai penilaian proses rekaan dan menyatukan komuniti dari pelbagai disiplin untuk memantau dan menyelesaikan masalah rekaan tempatan.

Bahagian terakhir acara dua hari tersebut akan dianjurkan bergaya suasana makan malam ("ballroom") iaitu Malam Budaya Cipta. Selain dari seri dan glamor, tarikan utama malam berkenaan adalah pelbagai anugerah yang menjadi rebutan pencipta. Antara anugerah utama yang ditawarkan ialah "MOSTI Patron Award", "Asian Invention Excellence Award" dan ITEX 2017 Best Invention Award.

Sepanjang penganjurkan acara 3-hari ITEX 2017, barisan program yang ditawarkan turut melibatkan program-program berikut: "Venture Capital to Entrepreneur Talk", Sesi Pemadanan Perniagaan dan Pameran Seni dan Kreativiti.

Untuk maklumat lanjut mengenai ITEX, layari www.itex.com.my atau Laman FB ITEX: ITEXMalaysia.



PENCIPTAAN *untuk*
DUNIA YANG LEBIH BAIK



Usahawan Mikro, PKS Terus Jadi Tonggak Pertumbuhan Ekonomi Sabah - Musa Aman

KOTA KINABALU, Mei (Bernama) -- Golongan usahawan, khususnya dalam sektor mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Sabah terus menjadi tonggak kepada pertumbuhan ekonomi negeri, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Beliau berkata, oleh itu kerajaan negeri terus berusaha melaksana dasar pembangunan ekonomi dan sosial untuk meningkatkan lagi pendapatan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Katanya, dalam bajet negeri 2017, kerajaan negeri memperuntukkan dana khas tambahan sebanyak RM53 juta kepada beberapa sektor strategik dan golongan sasar tertentu.

"Ini termasuk peruntukan tambahan berjumlah RM10 juta untuk menyokong pembangunan dan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pengusaha PKS termasuk Program Pembangunan Usahawan Desa.

"Dalam peruntukan khas tambahan juga, kerajaan negeri menyalurkan RM6 juta geran kepada Yayasan Usaha Maju (YUM) untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada usahawan mikro khususnya golongan wanita menceburi bidang perniagaan," katanya berucap pada majlis pelancaran Program Gabungan Rakan Usahawan Aspirasi Terhebat (GREAT) 2017 di sini, hari ini.

Majlis yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu turut dihadiri Timbalan Ketua Menteri Datuk Raymond Tan Shu Kiah yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian negeri, serta **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau.**

Musa berkata YUM di Sabah telah mewujudkan 72,110 orang usahawan mikro, dan kerajaan negeri yakin peruntukan khas tambahan itu dapat memberi manfaat kepada 658 usahawan mikro lagi menerusi Skim Pinjaman Usahawan.

Beliau berkata, kerajaan negeri kini menumpu kepada penciptaan peluang pendapatan tinggi melalui kaedah baharu dalam pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan digital.

"Justeru itu, kerajaan negeri akan memperhebat lagi usaha pembangunan modal insan terutama berkaitan keusahawanan yang dilengkapi pengetahuan terkini dan relevan. Dalam apa sahaja bentuk perniagaan, pembentukan jaringan kerjasama di sepanjang

rantaian nilai adalah amat penting," katanya.

Musa turut meminta para usahawan Sabah untuk mengambil peluang serta memanfaatkan kehadiran pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam program keusahawaan GREAT tahun ini.

"Saya percaya, dengan kegigihan, disiplin dan semangat tinggi serta peluang terbaik yang disediakan menerusi GREAT, ia mengupayakan bakal usahawan, melonjakkan potensi usahawan negeri ke peringkat kejayaan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi," katanya.

Program keusahawanan GREAT yang berlangsung hari ini dan esok itu merupakan penganjuran ketiga selepas di Kuala Lumpur dan Kuching, Sarawak. Ia menarik penyertaan kira-kira 5,000 usahawan di Sabah.

-- BERNAMA



Malaysia Bebas Jerebu, Namun Berisiko Dilanda Banjir

SUBANG, 8 Mei (Bernama) -- Penduduk di kawasan rendah perlu lebih bersedia berikutan hujan lebat yang tidak menentu sekarang termasuk kemungkinan berlaku fenomena La Nina yang boleh membawa banjir tahun ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata berdasarkan laporan **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** baru-baru ini, taburan hujan pada tahun ini menunjukkan corak tidak sekata serta tidak menentu hingga menyaksikan ada kalanya hujan lebat berlaku.

"Setiap hari berlaku hujan dan ini membimbangkan, takut hujan terlalu lebat sehingga menyebabkan banjir. Seperti kita sedia maklum, El Nino tidak kuat tahun ini, takut sebaliknya berlaku La Nina pula," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran Pelan Pengurusan Penghapusan (HPMP) Hidroklorofluorokarbon (HCFCs) peringkat kedua di sini, hari ini.

Laporan MetMalaysia menunjukkan fenomena El Nino yang membawa kepanasan melampau tidak akan berlaku tahun ini, justeru Malaysia dijangka bebas daripada jerebu rentas sempadan.

MetMalaysia juga melaporkan bahawa tiada perkara (cuaca) luar biasa akan berlaku sebagaimana pada 2014 dan 2015, yang dilihat antara pendorong berlakunya jerebu.

Sementara itu, Malaysia menyasarkan untuk mengurangkan 35 peratus penggunaan bahan kimia HCFCs menjelang 2020 sebagai usaha untuk memulihkan masalah penipisan lapisan ozon berbanding 10 peratus pada 2015.

Wan Junaidi berkata HPMP peringkat kedua itu akan memberi fokus kepada pertukaran teknologi yang menggunakan alternatif bukan HCFCs dalam sektor pembuatan busa serta larangan penggunaan HCFCs dalam pembuatan dan pemasangan sistem pemadam api.

Menurutnya penghapusan HCFCs memberi peluang kepada industri di Malaysia bertukar kepada teknologi baru yang mesra ozon dan mesra iklim bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga sekali gus meningkatkan perkembangan ekonomi hijau.

Pelaksanaan pelan itu di bawah kelolaan Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

HCFCs adalah bahan pemusnah ozon (BPO) yang dikawal di bawah perjanjian antarabangsa Protokol Montreal mengenai bahan yang menipiskan lapisan ozon. Ia banyak digunakan sebagai bahan penyejuk dalam peralatan seperti peti sejuk, penyaman udara, pembuatan busa dan bahan pencuci.

-- BERNAMA

Malaysia bebas jerebu tetapi berisiko banjir

SUBANG – Penduduk di kawasan rendah perlu lebih bersedia berikutan hujan lebat yang tidak menentu sekarang termasuk kemungkinan berlaku fenomena La Nina yang boleh mengakibatkan banjir pada tahun ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar**) berkata, berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) baru-baru ini, taburan hujan pada tahun ini menunjukkan corak tidak sekata serta tidak menentu hingga menyaksikan ada kalanya hujan lebat berlaku.

“Setiap hari berlaku hujan dan ini membimbangkan, takut hujan terlalu lebat sehingga menyebabkan banjir. Seperti kita sedia maklum, El Nino tidak kuat tahun ini, takut sebaliknya berlaku La Nina pula,” kata beliau pada majlis pelancaran Pelan Pengurusan Penghapusan Hidrofluorokarbon (HCFCs) peringkat kedua di sini semalam.



Penduduk Tumpat bimbang masalah tiada air bersih berlarutan sehingga
Air di Kelantan macam teh O



KERATAN Kosmo! semalam.

Laporan MetMalaysia menunjukkan fenomena El Nino yang membawa kepanasan melampau tidak akan berlaku tahun ini, justeru Malaysia dijangka bebas daripada jerebu rentas sempadan.

MetMalaysia juga melaporkan, negara tidak akan dilanda cuaca luar biasa sebagaimana pada 2014 dan 2015, yang dilihat antara pendorong berlakunya jerebu.

Sementara itu, Wan Junaidi berkata, Malaysia menyasarkan untuk mengurangkan 35 peratus penggunaan bahan kimia HCFCs menjelang 2020 sebagai usaha untuk memulihkan masalah penipisan lapisan ozon berbanding 10 peratus pada 2015. – Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 9 MEI 2017 (SELASA)

EL NINO KURANG 'KUAT', RISIKO BANJIR MENINGKAT

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 8 MEI**

FENOMENA El Nino yang tidak begitu 'kuat' tahun ini meningkatkan risiko banjir di beberapa kawasan seluruh negara berikutan taburan hujan yang tidak menentu sepanjang tahun.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar walau bagaimanapun berkata, taburan hujan tersebut dapat mengurangkan kesan terhadap kualiti udara sekiranya berlaku fenomena jerebu.

"Jabatan Meteorologi telah memaklumkan pada saya taburan hujan lebih menyeluruh di Sumatera dan Malaysia tahun ini. Jadi ia akan mengurangkan kesan sekiranya berlaku jerebu, tambahan pula pihak berkuasa Indonesia memberi jaminan bahawa Sumatera Tengah tidak akan membakar hutan sepanjang tahun 2017.

"Walau bagaimanapun, disebabkan taburan hujan agak tinggi tetapi cuaca panas tidak begitu kuat seperti tahun-tahun lalu, saya bimbang banjir di beberapa kawasan boleh berlaku," katanya dalam sidang akhbar Seminar Pelan Pengurusan Penghapusan Hidroklorofluorokarbon (HCFC) (HPMP) Peringkat 2 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Datuk Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim.

Bercakap mengenai seminar tersebut, Wan Junaidi berkata, (HPMP) Peringkat 1 yang dijalankan dari tahun 2012 sehingga 2016 mencatatkan kejayaan apabila berjaya mengurangkan penggunaan HCFC sebanyak 19 peratus berbanding sasaran asal 10 peratus.

"HPMP Peringkat 2 merupakan kesinambungan usaha bagi memenuhi



WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR

komitmen Malaysia sebagai Negara Parti kepada Protokol Montreal untuk mengurangkan penggunaan HCFC daripada data garis menjelang 2020.

"Objektif HPMP ialah pengurangan penggunaan HCFC secara berperingkat dalam industri dan sektor servis melalui pelaksanaan pelbagai usaha seperti penukaran teknologi dan penguatkuasaan undang-undang," katanya.

Dalam perkembangan lain, Wan Junaidi berkata, lebih 100 spesies ikan di perairan negara pupus dalam tempoh satu dekad akibat pemanasan global.

"Sebab inilah juga kita berusaha untuk menyumbang kepada pengurangan penggunaan HCFC kerana kesannya iaitu pemanasan global akan turut memberi kesan kepada kehidupan seharian kita tanpa disedari," katanya.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (duduk depan, dua dari kanan) bersama penduduk dan ahli Koperasi Kariah Masjid dalam program khidmat sosial korporat (CSR) Angkasa di Kampung Lubuk Kulit, Lipis, Pahang, semalam. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

RM90,000 boost for cancer researchers

Makna gives out study grants to three chosen young applicants as part of annual award



Makna Cancer Research Award 2016 recipients (from left) Dr Teow, Dr Oon and Dr Asrul with their mock cheques.

MAKNA Cancer Research Award marked its 16th year of supporting young cancer researchers in the country by naming three recipients who will receive close to RM90,000 in grants to fund their research.

The award was initiated in the year 2001 to encourage and recognise the importance of research and development by local scientists in advancing knowledge that is geared towards helping cancer patients and discovering potential cures for the disease.

The recipients were selected by a distinguished panel headed by the Academy of Sciences Malaysia (ASM) Fellow, Professor Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff, alongside other prominent experts and medical practitioners in the fields of hematology and oncology.

The recipients for the 2016 award were Dr Asrul Akmal Shafie (Universiti Sains Malaysia), who is awarded RM29,800, Dr Oon Chern Ein (Universiti Sains Malaysia) and Dr Ronald Teow Sin Yeang (Sunway University) who were awarded RM30,000 each.

Makna founder and president Datuk Mohd Farid Ariffin said, "This award has been a part of our research-related endeavours, which include collaborations with universities and research institutes in Malaysia to advance knowledge in the field in the hopes of helping cancer patients throughout the country and finding a potential curative treatment for cancer."

We feel a sense of renewed hope every day that work continues as it brings us closer to discovering new ways to treat and even prevent cancer.

Datuk Mohd Farid Ariffin

"It is encouraging for us at Makna to receive 66 applications for this award in 2016; the most number of applications we have received.

"It is an indication that cancer is a research focus among young scientists and that there is increasing interest as well as work being done in this area.

"We feel a sense of renewed hope every day that work continues as it brings us closer to discovering new ways to treat and even prevent cancer.

"There is no short cut and no significant findings that can be generated overnight.

"Therefore, Makna is committed to supporting and encouraging our researchers in their quest to achieve scientific breakthroughs and to better our fighting chance against cancer.

"In this, we are thankful to have the continuous support and partnership of the Academy of Sciences Malaysia that ensures that the Makna Cancer Research Award is able to help nurture young scientists in their pursuit of new knowledge and advancements in science, and in cancer research in particular".

Since it was introduced in 2001, Makna has awarded a total of RM1,374,635 towards funding cancer research by young researchers in Malaysia.

To date, the programme has funded 48 researchers.

Focusing on research is in line with the Makna mission, which is to mobilise all resources to provide curative, preventive, research and support services to cancer patients and families, high-risk groups and the general public.

ASM, by virtue of being an independent and august short-term incentive (STI) body that is made up of eminent scientists in the country, is often called upon to carry out evaluations for prominent Malaysian and international STI awards.

ASM has been working closely with Makna in selecting the recipients for the Makna Cancer Research Award since 2002.

"The academy supports Makna's initiative in funding cancer research, and for the last 16 years it has been a successful journey in pursuing scientific excellence especially for young scientists", said ASM chief executive officer Hazami Habib.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 9 MEI 2017 (SELASA)

NO HAZE, BUT FLOOD RISK

SUBANG: Residents in low-lying areas need to be prepared for unpredictable heavy rain which may bring about floods this year due to the La Nina phenomenon. Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar said based on the recent reports of the Meteorological Department (MetMalaysia), rain distribution this year showed an unpredictable pattern with unusually downpours. The reports showed the El Nino phenomenon, which brings extremely hot weather, will not occur this year, and following that, Malaysia is expected to be free of cross-border haze. – Bernama

Shahidan: We're ready for floods

By Anith Adilah and May Robertson
mmnews@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — Some 500,000 volunteers have been drafted over the past three months to assist victims of disasters as the nation has been warned to brace for massive floods.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim said the additional manpower now places the total of volunteers at 1.5 million — 500,000 short of its target of two million volunteers.

"We are all set," said Shahidan, responding to the Natural Resources and Environmental Ministry's announcement yesterday that unusually heavy and erratic rainfall this year could cause flooding nationwide.

"The number of volunteers under the National Disaster Management Agency (NaDMA) excludes the three million People's Volunteer Corps (Rela) personnel nationwide. They are all ready to assist

any time... no matter how big or small the flooding incident is."

Shahidan said NaDMA and various other agencies under his ministry had learnt from the 2014 floods in the east coast that killed 24 and saw 250,000 people evacuated.

"The biggest lesson learnt from the 2014 episode was communication and cooperation between various layers. It's important for every level of society to get involved (as volunteers) when disaster strikes.

"We seek for more people to register as volunteers. This will ensure victims will be assisted almost immediately and such quick response will save lives and properties."

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar had earlier said haze was unlikely to envelope the nation as evident in previous years but the heavy rainfall would cause floods.

Several cities and even smaller towns in the country had experienced flooding in recent times, despite rainfall over a short period of time.

Wan Junaidi said the forecast was based on research by the Malaysian Meteorological Department and their counterparts in Singapore.

"What worries me is that the El Nino (phenomenon) won't be so strong this year... (So) if there is too much rain, it may lead to flooding," he said during a press conference after launching the Hydrofluorocarbon Phase out Management Plan Stage 2 seminar in Subang Jaya yesterday.

He said Indonesia had, following talks with Malaysia, changed its way of handling the haze issue in 2015, and that Jakarta did not need to wait for a province to declare a "state of emergency" before sending assistance to control forest fires.

"Indonesia has given us their assurance there will be no fires that will cause haze," he said.

Meteorological Department director-general Alui Bahari said the southwest monsoon is between May and September and that the expected amount of rainfall is about 200 to 300mm.